

## **FALSAFAH SIASAH "MEMBANGUN BERSAMA ISLAM" DAN KESANNYA KEPADA KEMANTAPAN KERAJAAN KELANTAN**

*Oleh: Profesor Madya Shukeri bin Mohamad\**

### **Abstrak**

*Persoalan politik dan keislaman di Malaysia telah menarik perhatian banyak pihak apabila Parti Islam SeMalaysia (PAS) melakukan berbagai pendekatan baru dalam pelaksanaan agenda keislaman dalam pentadbiran Kerajaan Kelantan bermula tahun 1990. Gabungan parti politik yang terdiri daripada PAS, Parti Melayu Semangat 46 (S46), BERJASA dan HAMIM telah berjaya menguasai kerajaan Kelantan pada tahun 1990. Bermula dari saat itu banyak pendekatan baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha merealisasikan agenda keislaman mereka. Pada masa yang sama musuh politik mereka telah mengambil kesempatan menggunakan isu pembaharuan tersebut dengan sepenuhnya untuk menjatuhkan kerajaan yang baru ditubuhkan itu, kerana pelaksanaan pembaharuan itu dirasakan boleh menimbulkan kemarahan beberapa pihak.*

### **Pengenalan**

Dalam arus politik tahun 1990 yang begitu mencabar, PAS yang mengetuai kepimpinan Kerajaan Negeri telah menunjukkan sikap berani, yakin diri dan tidak undur ke belakang, tetapi terus mempertahankan apa jua rancangan dan program mereka. Keyakinan mereka bertambah jitu terhadap pelaksanaan Islam apabila rakyat Kelantan terus memberikan sokongan kepada mereka dalam Pilihanraya Umum 1995, 1999 dan terus dapat bertahan dalam Pilihanraya Umum 2004. Perkara ini telah diakui sendiri oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato Nik Abdul Aziz Nik Mat.<sup>1</sup>

Persoalan yang timbul ialah apakah resepi yang digunakan oleh kepimpinan Negeri sehingga dapat meneruskan misi perjuangan Islam mereka dalam situasi yang sentiasa bergelora dan mencabar itu. Malah ramalan musuh politik mereka bahawa Kerajaan Angkatan/PAS tidak

---

\* Penulis merupakan pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

akan dapat bertahan lebih daripada tiga bulan tidak menjadi kenyataan. Ada juga yang mengatakan tidak lebih empat bulan. Yang paling lama mereka katakan bahawa kepimpinan Nik Aziz boleh hidup setahun sahaja. Tetapi jangka hayat kerajaan PAS masih bertahan sampai ke hari ini.

Apakah perkembangan ini suatu perkara biasa? Bagi orang yang berfikiran jauh dan kritis, mereka akan melihat perkara tersebut sebagai suatu perkembangan yang penting dan unik dalam sejarah politik Malaysia. Penelitian perlu dibuat untuk melihat bagaimana proses pelaksanaan agenda keislaman yang mencabar arus politik negara itu boleh bertahan dan berkembang. Untuk itu, perbincangan ini akan mengutarakan suatu teori pentadbiran Islam yang dinamakan *Siasah Syar`iyyah*. Pendekatan *siasah* ini akan cuba dikaitkan dengan kekuatan politik Islam di Negeri Kelantan serta perkembangannya. Sejauh mana kenyataan ini benar? Jawapannya akan dapat dilihat dalam perbincangan ini, *insya Allah*.

### Falsafah Siasah Meletakkan Islam Sebagai Dasar

Kerajaan Barisan Nasional (1982 –1990) telah menjalankan pentadbiran Negeri Kelantan secara demokrasi sebagaimana yang diamalkan di peringkat pusat. Aspek-aspek keislaman diberikan penekanan khusus dalam bidang yang menyentuh urusan keagamaan secara langsung seperti upacara sambutan hari kebesaran Islam, upacara perasmian, Mahkamah Syariah, Enakmen Keluarga Islam dan sebagainya. Beberapa badan agama Islam di bawah kerajaan Negeri ditugaskan untuk menjayakan program keislaman seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

Manakala dalam urusan pentadbiran dan politik sehari-hari didapati sistem demokrasi menjadi tunggak, berpandukan peruntukan-peruntukan yang digariskan dalam perlombagaan negeri. Prinsip-prinsip agama Islam pula tidaklah menjadi rujukan utama<sup>2</sup>. Bertolak dari situ kerap kali pihak Kerajaan membenarkan kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti pusat hiburan yang bercanggah dengan Islam, kegiatan judi secara berlesen, penggunaan arak di tempat awam seperti hotel, kegiatan ekonomi dan kewangan yang mengandungi unsur riba seperti pajak gadai dan sebagainya.

Syariah atau *haq al-Hakimiyyah lillah* atau *tahkim al-Syariah*.<sup>5</sup> Ia bermaksud seluruh proses dan penetapan undang-undang dan peraturan hendaklah berdasarkan kehendak al-Quran dan al-Sunnah bagi mendaulatkan agama Islam<sup>6</sup> dan menjaga kepentingan rakyat.

Kerajaan Negeri telah berusaha menyediakan langkah dan program ke arah merealisasikan falsafah siasah "Membangun Bersama Islam" ini, walaupun kerajaan sedar banyak rintangan yang terpaksa dihadapi seperti masalah kefahaman masyarakat dan kesedaran kakitangan kerajaan sendiri dalam berbagai sektor. Pada masa yang sama kerajaan juga mengetahui wujudnya golongan musuh politik yang sentiasa mencari peluang untuk mencabar atau menggagalkan falsafah siasah "Membangun Bersama Islam" tersebut. Begitu juga cabaran daripada pihak Kerajaan Pusat yang tidak sealiran dengan dasar Kerajaan Kelantan.

Falsafah siasah ini merupakan satu kelainan yang dibawa oleh Dato Nik Abdul Aziz sebagai ketua Kerajaan Kelantan. Beliau dilihat sebagai perintis kepada perubahan dan pembaharuan dalam politik dan pentadbiran kerana telah mengemukakan gagasan Islam ke dalam sistem pentadbiran dan politik secara langsung dan terang-terangan<sup>7</sup>.

### **Falsafah Siasah Membetulkan Kepincangan Dalam Kepimpinan dan Urustadbir**

Semasa zaman pemerintahan Kerajaan BN di Kelantan sistem kawalan dan disiplin dalam menjalankan projek-projek kerajaan agak lemah dan longgar, seperti sistem tender runding dalam tender balak yang menyebabkan pengurusan kewangan terdedah kepada risiko penyelewengan dan pecah amanah. Pada masa yang sama ia boleh melemahkan sikap akauntabeliti dan tanggungjawab di kalangan orang yang terlibat dengan urusan balak terutama kakitangan kerajaan sendiri. Bertolak daripada latarbelakang tersebut maka Kerajaan Kelantan mengambil langkah berani melalui falsafah siasah "Membangun Bersama Islam" bagi menutup ruang yang merosakkan akauntabeliti dan mengganggu kemantapan pengurusan kewangan dengan menghapuskan sistem tender runding. Berasaskan falsafah itu juga, Kerajaan Negeri mengambil langkah menghapuskan amalan memberi cenderamata dan hadiah kepada pemimpin ketika melakukan lawatan rasmi, kerana amalan itu juga boleh menjurus ke arah budaya yang tidak sihat dan negatif iaitu

budaya rasuah. Gejala rasuah amat besar kesannya kepada sebuah kerajaan kerana ia boleh meruntuhkan sebuah negara. Kewangan negeri akan lemah dan gejala ketidakadilan akan berleluasa.

Bertolak dari kepincangan tersebut maka gagasan pemulihan telah dilakukan melalui falsafah siasah "*Membangun Bersama Islam*" yang menggariskan berbagai langkah penyelesaian secara lebih berkesan. Ini kerana dasar baru tersebut menyuntik ajaran Islam secara langsung dan menutup ruang kemungkaran sebelum ianya berlaku. Dengan lain perkataan, falsafah baru ini menyediakan langkah kawalan dan pencegahan sebelum berlakunya sesuatu gejala yang tidak diingini.

Pada masa yang sama Kerajaan juga merangka berbagai program bagi membentuk satu perubahan paradigma masyarakat supaya rakyat dapat menerima dan menjawai sendiri perubahan tersebut dengan penuh sedar dan insaf, bukan sekadar pak turut semata-mata ataupun kerana terpaksa.

### **Falsafah Siasah Menghapuskan Gangguan Politik Dalam Urusan Pentadbiran**

Campurtangan politik dalam sistem pentadbiran BN dapat dilihat dalam urusan pentadbiran pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Perbandaran. Ia telah menimbulkan banyak gangguan terhadap kelincinan dan ketelusan sistem pentadbiran, sehingga kuasa eksekutif terhakis dan terbatas. Ini menyebabkan para pegawai tidak dapat melaksanakan tugas secara profesional, kerana selalu terhalang atau terdedah kepada gelombang politik yang membahayakan periuk nasi mereka. Lalu jalan mudah diambil oleh mereka iaitu mengikut telunjuk pemimpin politik walaupun mereka sedar wujudnya percanggahan yang ketara dengan etika pengurusan dan pentadbiran seperti dalam pengagihan subsidi. Mereka memilih jalan selamat dan tidak berisiko. Keadaan ini menyebabkan prestasi pentadbiran tidak mampu berkembang pesat sebagaimana sepatutnya. Tangan politik mencengkam di segenap lubang pentadbiran.

Dalam konteks ini falsafah siasah "*Membangun Bersama Islam*" dirangka untuk membetulkan kepincangan sistem pentadbiran dan mengembalikan urusan pentadbiran kepada landasannya yang sebenar. Dengan cara itu diharapkan pegawai kerajaan akan mempunyai rasa tanggungjawab yang lebih jelas dan terbuka dalam menjalankan tugas.

Kuasa pentadbiran Majlis Daerah diserahkan kembali kepada Ketua-ketua Jajahan selaras dengan semangat pentadbiran yang telus.<sup>8</sup>

Malah falsafah siasah "*Membangun Bersama Islam*" menetapkan tiada sebarang tindak balas politik (balas dendam) terhadap kakitangan Kerajaan yang menyokong BN atau ahli-ahli UMNO,<sup>9</sup> kerana falsafah ini mahu membetulkan landasan pentadbiran yang telah tersasar, akibat tekanan politik dan fenomenanya yang tidak terkawal dan berkecamuk.

Secara keseluruhannya didapati falsafah siasah ini menjadi mekanisma terpenting dalam menyelesai dan memperbaiki kepincangan politik, kelemahan pentadbiran dan seterusnya menjamin seluruh kepentingan rakyat dalam berbagai bidang kehidupan. Sekaligus menjulang kedudukan Islam sebagai dasar tertinggi dalam pentadbiran dan masyarakat.

### **Falsafah Siasah Menghasilkan Produk-produk Pentadbiran Islam Yang Baik dan Menarik**

Daripada perbincangan di atas didapati secara keseluruhannya falsafah siasah "*Membangun Bersama Islam*" merupakan asas penting dalam menentukan halatuju pembaharuan, serta menggalak dan meningkatkan pencapaiannya. Bermula dari saat itu, falsafah baru tersebut telah memainkan peranan yang amat besar dalam membentuk sistem pentadbiran dari segi dasar, matlamat dan halatuju, sumber dan kaedah pentadbiran. Dari situ berbagai program dirangka untuk menjayakan misi dan falsafah baru tersebut. Ia telah berjaya melahirkan banyak produk pentadbiran Islam dalam dimensi baru yang dapat memenuhi kehendak dan citarasa masyarakat zaman sekarang. Apabila masyarakat boleh menerima dan masuk hati dengan berbagai produk pentadbiran tersebut, maka ia telah mengikat sokongan dan simpati mereka kepada kerajaan yang ada. Inilah rahsia di sebalik pendekatan siasah dalam memantapkan sokongan masyarakat.

Di antara produk pentadbiran Islam yang berjaya dihasilkan ialah:

1. Penyelarasan undang-undang dan peraturan negeri dengan prinsip-prinsip Islam. Contohnya pada 1 januari 1992, kerajaan Negeri telah mengharamkan semua jenis permainan judi kepada semua kaum dan agama tanpa mengira jenis masyarakat dan kebudayaan

mereka. Semua premis judi yang telah beroperasi semenjak Kerajaan BN diarah supaya ditutup. MB Kelantan dalam penjelasannya menyatakan bahawa pengharaman judi ini adalah selaras dengan prinsip semua agama, kepercayaan, adat atau kebudayaan yang tidak membolehkan unsur-unsur perjudian wujud dalam sistem kehidupan mereka, kerana terdapat unsur-unsur tipu daya, muslihat dan aninya terhadap pihak lain dengan perbuatan judi<sup>10</sup>. Dengan itu kerajaan negeri tidak lagi mengeluarkan lesen premis untuk kegiatan perjudian dan tempat-tempat yang menjadi punca maksiat<sup>11</sup>. Pada tahun 1993 pihak berkuasa Negeri Kelantan menerusi MPKB tidak lagi memberi lesen kepada pengusaha kelab-kelab malam.

2. Penghapusan kegiatan pelacuran telah menyelamatkan masyarakat daripada kemungkaran yang menjadi faktor keruntuhan dan kehancuran umat terdahulu..
3. Peningkatan aktiviti kebajikan termasuk wanita dan masyarakat bukan Islam, contohnya Kerajaan Negeri melaksanakan beberapa langkah bagi menjaga kebajikan golongan wanita, terutama dari segi maruah dan kepentingan mereka. Di antaranya Kerajaan Negeri tidak lagi membenarkan papan iklan yang memperagakan wanita yang mendedahkan aurat. Kerajaan Negeri juga menambah cuti bersalin selama 60 hari bermula 1 Mac 1991<sup>12</sup> dan mengeluarkan arahan terhadap kakitangan awam wanita supaya menutup aurat semasa waktu pejabat, tidak bersolek dan bergincu semasa di pejabat.
4. Penambahan aktiviti dakwah telah memantapkan lagi penghayatan Islam dalam masyarakat.
5. Pengukuhan ekonomi dan pertumbuhannya dapat menjamin kehidupan masyarakat.
6. Penonjolan imej bersih dalam pentadbiran, di mana tiada kes-kes pecah amanah dan penyelewengan yang direkodkan.
7. Peningkatan kawalan terhadap aktiviti yang mendorong kepada maksiat dan jenayah, contohnya Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan peraturan baru kedai gunting bagi mengelakkan

berlakunya kegiatan maksiat seperti pelacuran, minum arak dan sebagainya.

8. Penyediaan sistem perundangan Islam iaitu Kerajaan Negeri Kelantan telah berjaya menggubal satu undang-undang yang diberi nama Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Undang-undang tersebut telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan yang merupakan manifestasi kepada hasrat kerajaan untuk meletakkan undang-undang Islam atau hukum hudud sebagai perundangan negeri.<sup>13</sup> Undang-undang ini tidak dapat dijalankan kerana dihalang oleh Kerajaan Pusat di bawah Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.
9. Pengukuhan sistem pendidikan Islam, penambahan pusat pengajian Islam dan juga sains telah meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat.
10. Penyelarasan aktiviti kebudayaan dan kesenian dengan prinsip-prinsip Islam contohnya meluluskan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (hiburan) di Negeri Kelantan seperti menghapuskan mana-mana kesenian yang bersifat pemujaan seperti Menora, Mak Yong, Main Puteri, Selampit, Wayang Kulit<sup>14</sup> Tinju Siam dan Pelaga Binatang. Adapun Dikir Barat yang tidak melibatkan percampuran antara lelaki dan perempuan serta tidak mengandungi kata-kata lucah, mencela, maki hamun, unsur-unsur syirik dan fitnah adalah dibenarkan<sup>15</sup>.
11. Penyelarasan aktiviti kewangan dan ekonomi dengan prinsip-prinsip Islam, contohnya memindahkan simpanan tetap Kerajaan Negeri dari bank yang mengamalkan sistem konvensional (Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang mengandungi unsur riba) ke Bank Islam Malaysia Berhad<sup>16</sup>. Melaksanakan Sistem Gadaian Islam (*al-Rahn*) mulai tahun 1992 dan mengarahkan semua pajak gadai yang beroperasi menggunakan kaedah riba ditukar kepada sistem Islam mulai tahun 1993. Badan yang bertanggungjawab menguruskan sistem *al-rah*n ialah Permodalan Kelantan Berhad (PKB). Sistem ini kemudiannya ditiru dan diterima pakai oleh Yayasan Pembangunan Islam Malaysia dan Bank Rakyat<sup>17</sup>.

## Penggunaan Kaedah Ijtihad Memantapkan Pentadbiran

Sebahagian daripada urusan pentadbiran Negara Islam menggunakan kaedah ijtihad bagi mempastikan tidak berlakunya perkara-perkara yang melanggar prinsip Islam atau menjelaskan kepentingan awam. Dengan kata lain penggunaan ijtihad dalam urusan pentadbiran amat penting memandangkan terlalu banyak kes dan perkara yang memerlukan penyelesaian secara ijtihad. Dengan itu, penggunaan kaedah ijtihad dalam pembaharuan akan memantapkan pentadbiran kerajaan kerana otoriti ijtihad amat tinggi dalam *Siasah Syar`iyyah*.

Tumpuan utama penggunaan ijtihad ialah dalam perkara yang tidak dinyatakan oleh nas secara langsung seperti persoalan semasa yang diamalkan dalam sistem politik dan ekonomi moden sekarang ini. Selain daripada itu, penggunaan ijtihad selalu digunakan dalam menentukan cara terbaik melaksanakan nas-nas syarak dalam konteks semasa. Contohnya dalam menjalankan undang-undang jenayah Islam, kerajaan perlu melakukan banyak ijtihad bagi merangka strategi perlaksanaannya supaya dapat mencapai tujuan dan matlamat perundangan Islam tersebut.

Menyentuh tentang penggunaan ijtihad dalam menjayakan falsafah siasah "*Membangun Bersama Islam*", perbincangan ini akan memfokuskan kepada dua kaedah yang paling banyak digunakan dalam pentadbiran Kerajaan Kelantan. Kaedah utama itu ialah: *Istislah* atau *masalah mursalah* dan kedua ialah kaedah *sad al-dhara`i*.

### a) *Masalah Mursalah / Istislah*

Pemakaian kaedah *masalah mursalah/istislah* agak menyeluruh dalam program pentadbiran di Kelantan, meliputi aspek kebajikan kakitangan kerajaan, kebajikan orang awam, kepentingan dakwah, syiar Islam dan sebagainya. Apabila kaedah ini digunakan, maka ia bermakna kerajaan tidak menggunakan peruntukan nas secara langsung, sebaliknya merujuk terus kepada **asas-asas maslahah** yang dapat menjamin kepentingan masyarakat di mana kepentingan tersebut adalah disokong penuh oleh kehendak *maqasid al-Syariah*.<sup>18</sup>

Di antara langkah kerajaan yang jelas merujuk kepada kaedah *maslahah* ini ialah:

- i. Mewujudkan Tabung Serambi Mekah bagi membantu golongan yang menghadapi kesulitan hidup kerana bencana dan sebagainya.
- ii. Menambah bilangan hari bagi cuti bersalin menjadi 60 hari dapat menjamin kesihatan ibu dan mengukuhkan hubungan kasih sayang dengan anak yang baru dilahirkan.
- iii. Menyediakan perkhidmatan pinjaman tanpa faedah untuk kakitangan kerajaan dapat menyediakan bantuan kepada kakitangan dengan adil dan bersih daripada unsur riba.

b) *Sad al-Dhara'i`*

Antara pembaharuan yang merujuk kepada kaedah tersebut ialah:

- i. Peraturan baru kedai gunting menetapkan tukang gunting lelaki menggunting rambut lelaki. Tukang gunting perempuan tidak boleh menggunting rambut lelaki. Peraturan ini dapat mengawal perbuatan maksiat.
- ii. Menghapuskan amalan memberi hadiah kepada pemimpin semasa lawatan rasmi ke sesuatu upacara. Menurut MB Kelantan, pembaharuan ini dapat mengelakkan berlakunya perbuatan rasuah di kalangan kakitangan kerajaan.<sup>19</sup>
- iii. Menghentikan kegiatan kelab malam. Peraturan ini sudah tentu dapat mengawal kegiatan mungkar.
- iv. Menghapuskan amalan tender runding dalam pemberian kawasan balak dapat menghindarkan budaya rasuah.

**Penjagaan Maqasid al-Syariah Dalam Pentadbiran**

Menurut konsep *maqasid al-syariah*, pada asasnya *Syariah Islamiah* seluruhnya bertujuan untuk menjamin maslahah manusia di dunia dan di akhirat. Sebab itu Islam telah menyediakan berbagai bentuk program pembangunan insan dan juga program perlindungannya secara bersepadu di semua peringkat

Bertolak daripada falsafah siasah, maka seluruh matlamat dan hala tuju pembaharuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Kelantan adalah mengambil kira tuntutan *maqasid al-syariah*. Secara keseluruhannya, analisis yang dibuat menunjukkan terdapat satu kesedaran yang jelas dan usaha yang sungguh-sungguh di pihak Kerajaan Kelantan untuk menjaga, menjamin serta merealisasikan tuntutan *maqasid al-syariah* melalui pembaharuan yang mereka perkenalkan. Bermula dengan *maqasid/maslahah* agama Islam, maslahah nyawa, maslahah keturunan, maslahah maruah dan akhirnya maslahah harta telah dijadikan sebagai matlamat utama dalam pembaharuan mereka. Pada masa yang sama *maqasid* lain tidak diabaikan bagi menjamin keselesaan, keceriaan dan kesempurnaan hidup masyarakat yang dipanggil sebagai *hajiyat* dan *kamaliyyat*.

### Solat Hajat dan munajat sebagai pendekatan siasah

Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Dato Nik Aziz menyatakan bahawa angkara musuh adalah satu ujian daripada Allah Taala. Untuk menghapuskan angkara tersebut kita perlu memohon pertolongan dan bantuan daripada Allah Taala sendiri.<sup>20</sup> Pendekatan ini merupakan suatu yang unik dan menarik dalam perkembangan politik semasa kerana melalui usaha tersebut, sejarah politik Kelantan telah menyaksikan beberapa krisis yang begitu serius dan genting telah dapat diatasi dengan baik, sekaligus mendatangkan kebaikan kepada semua pihak. Malah Kerajaan Negeri telah menunjukkan keyakinan yang amat tinggi kerana instrument solat ini bertepatan dengan saranan al-Quran dan Nabi s.a.w sendiri. Kerajaan Negeri juga telah beberapa kali menganjurkan solat hajat dan munajat pada waktu malam dengan mengadakan solat tahajjud, witir, solat hajat dan munajat seterusnya menunaikan solat subuh dan disudahi dengan tazkirah. Program tersebut telah dilakukan secara berjamaah dengan penyertaan yang memberangsangkan. Ini membayangkan bahawa masyarakat telah berada di atas landasan dan misi yang ingin dibawa oleh Kerajaan. Inilah satu rahsia besar kejayaan sebuah kerajaan apabila berjaya membawa rakyat berada di atas landasan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pada ketika itu rakyat akan memberikan sepenuh komitmen dan kerjasama mereka kepada kerajaan tersebut. Perkara ini adalah satu pencapaian yang baik di dalam pentadbiran Kerajaan Kelantan. Pengisian roh Islam dan nilai keagamaan memainkan peranan yang amat penting kerana ia dapat mengikat kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada wawasan Kerajaan

yang memerintah. Kepimpinan Islam di Kelantan agak berjaya melakukan misi ini dalam tempoh pemerintahan mereka di Kelantan.

### Keberkatan Ilahi Sebagai Satu Agenda Pentadbiran

Kerajaan Negeri adalah sebuah kerajaan yang sangat mengakui dan menerima konsep keberkatan dalam pentadbiran berpandukan firman Allah yang bermaksud:

*"Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya akan dibuka segala jenis berkat dari langit dan bumi".*

Al-'A'raf: 96.

Elemen berkat ini dikira faktor penting yang membantu kemajuan, kesejahteraan, keharmonian, kejayaan polisi, kejayaan mengatasi gejala dan krisis yang menimpa, mendapat penghormatan luar dan sebagainya. Sebaliknya Kerajaan percaya tanpa keberkatan dan restu ilahi, maka segala kerja pentadbiran tidak berjaya dan menimbulkan keburukan. Oleh itu Kerajaan Kelantan telah merangka berbagai pendekatan yang dapat memenuhi kehendak dan restu Allah Taala dalam semua kegiatan pentadbiran sebagaimana yang dapat dilihat dalam program dakwah dan pembangunan insan serta penghapusan program mungkar dan maksiat

### Kesimpulan

Daripada perbincangan yang lepas menunjukkan falsafah siasah telah menghasilkan berbagai bentuk pembaharuan keislaman dan program kebijakan masyarakat yang sangat diminati oleh rakyat Kelantan. Dengan sebab itulah mereka sanggup memberikan mandat dan sokongan mereka secara berterusan kepada PAS untuk menerajui Kerajaan Negeri, kerana mereka begitu masuk hati dengan perkara-perkara tersebut.

Rakyat Kelantan sentiasa menanti-nanti kehadiran Islam dalam kerajaan mereka. Mereka menerima dan mendokong setiap pembaharuan yang berunsurkan Islam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri semenjak 1990 hingga sekarang, malah tidak pula menampakkan kejemuan mereka terhadap produk keislaman yang ditawarkan kepada mereka oleh Kerajaan Kelantan. Mereka sentiasa terbuka membeli hasil dan produk tersebut

dengan penuh semangat dan ghairah sebagaimana yang dapat disaksikan melalui sokongan dan kehadiran mereka dalam setiap perhimpunan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri atau parti mereka sendiri, sehingga ramai orang dari luar Kelantan mengambil cuti beberapa hari kerana datang ke Kelantan untuk mengikuti dari dekat perkembangan politik, di samping mengambil kesempatan mendalami ilmu dan pengajian di sana.<sup>21</sup>

Mohd Sayuti Omar lebih cenderung melihat pembaharuan Islam yang diperkenalkan oleh masyarakat Kelantan mendatangkan faedah besar kepada rakyat Kelantan dari segi sikap dan pemikiran, terutamanya apabila banyak kelompok masyarakat telah membuang terus fahaman dan pegangan sekular yang memisahkan antara agama dan politik.<sup>22</sup>

Pelaksanaan falsafah siasah ini tidak pula menimbulkan kesan negatif samada dalam aspek pentadbiran, kewangan, perundungan, kemasyarakatan dan sebagainya. Ia telah berjaya menyelamatkan rakyat daripada gelombang kemungkar dan kemurkaan ilahi yang akan mengundang berbagai impliksai buruk terhadap masyarakat pada masa akan datang. Masyarakat terselamat daripada bahaya riba, judi dan maksiat yang merupakan musuh kepada manusia sejagat, kerana ia akan merosakkan kehidupan secara tidak disedari. Begitulah tingginya nilai yang dimiliki oleh dasar Islam dalam sebuah pemerintahan yang tidak terikat dan tunduk kepada tekanan kebendaan secara keterlaluan yang boleh mengancam keselamatan manusia.

Penulisan ini menganggap bahawa perkembangan politik Kelantan ini akan dicatat sebagai satu peristiwa sejarah yang penting dalam dunia politik dan pentadbiran Malaysia khususnya dan politik Islam secara amnya.

#### NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Temubual dengan Tuan Guru Dato Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 25 Januari 2007 di pejabatnya.

<sup>2</sup> Tarmizi Mohd Jam dan Md Nadzir Jusoh (1995) *Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Kelantan Agenda Baru Untuk Umat Islam*, Kuala Lumpur: Rangkaian Minda Publishing, h. 85.

<sup>3</sup> Pemikiran ini bercanggah dengan ajaran Islam kerana menghina kedudukan agama Islam.

<sup>4</sup> Sistem demokrasi menganggap urusan agama sebagai persoalan peribadi. Oleh itu agama Islam tidak wajar dijadikan sebagai rujukan utama dalam sistem pentadbiran dan urusan politik demokrasi.

<sup>5</sup> Dr. Arif Kh.il Abu Id (1996), *Nizam al-Hukm fi al-Islam*, Urdun: Dar al-Nafa'is, h. 47.

<sup>6</sup> Al-Mawardi (t.t), *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*, Beirut, h. 18.

<sup>7</sup> Dato Nik Aziz Sendiri mengakui bahawa beliau tidak berselindung sedikit pun dalam melaksanakan agenda keislaman, sebaliknya menonjolkan ajaran Islam secara terbuka. (Temubual dengan beliau pada 25 Januari di Pejabat MB, Kota Darul Naim)

<sup>8</sup> Mohd Sayuti Omar (1991), *Kelantan Selepas Pantang*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, h. 108.

<sup>9</sup> *Kelantan Membangun Bersama Islam - Program Angkatan Perpaduan Ummah Negeri Kelantan – Pilihanraya Umum 1995*, Angkatan Perpaduan Ummah Negeri Kelantan, h. 9.

<sup>10</sup> *Siri Fikrah YAB Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Asas Pentadbiran Islam, Siri 1* (1995), Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, h. 5.

<sup>11</sup> *Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama', Isu-isu Perkembangan Pentadbiran Kerajaan PAS Negeri Kelantan* (1999), Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, h. 7.

<sup>12</sup> Kerajaan Negeri Kelantan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1991, Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri Di Bawah Perintah-Perintah Am 25 Dan 26 Bab C, Bertarikh 12 Mac 1991.

<sup>13</sup> Sila lihat Kanun Acara Jenayah Syariah 11 ( 1998 ) Kelantan.

<sup>14</sup> Pada 23 Mac 2003, Kerajaan Negeri membenarkan pertunjukan wayang kulit versi baru yang tidak melibatkan unsur-unsur pemujaan, patung menyerupai benda-benda bernyawa dan jalan cerita yang karut marut. Wayang versi baru itu telah diubahsuai oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur. Ia juga dinamakan sebagai Wayang Dewan.

<sup>15</sup> Sila lihat cadangan garis panduan persembahan kebudayaan ( hiburan ) di Negeri Kelantan. Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003, bertarikh:23 Oktober 2003.

<sup>16</sup> *Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama', Isu-isu Perkembangan Pentadbiran Kerajaan PAS Negeri Kelantan* (1999), Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, op.cit., h. 10.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 16.

<sup>18</sup> Matlamat/objektif Syariah Islamiah.

<sup>19</sup> Temubual dengan Dato MB Kelantan pada 25 Januari 2007 di pejabat MB.

<sup>20</sup> Drs. Zainuddin Awang Hamat (2000) "Sepuluh Tahun Memerintah Minda Manusia" dalam Disman (edit ) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*, Kota Bharu, Pusat Kajian Strategik, h. 7.

<sup>21</sup> Tarmizi Mohd Jam dan Md. Nadzir Jusoh (1995) *Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Kelantan Agenda Baru Untuk Umat Islam*, Kuala Lumpur: Rangkaian Minda

Publishing, h. 14 -15. Namun begitu dalam perkembangan mutakhir ini berlaku suatu perubahan dalam penerimaan dan sikap rakyat Kelantan kepada Kerajaan Negeri, berbanding dengan sambutan yang begitu hangat yang mereka berikan selama sepuluh tahun pemerintahan PAS. Persoalan ini dapat dibaca melalui keputusan pilihanraya kesebelas yang lalu pada April 2004 yang menunjukkan penurunan sokongan mereka kepada calon-calon Kerajaan Negeri dalam pilihanraya tersebut. Berbagai ulasan telah diberikan oleh para pengalisa politik antaranya ialah kelemahan kepimpinan dalam membangunkan hubungan yang kukuh dengan rakyat /masyarakat secara berterusan, sehingga berjaya dimanupulasikan oleh calon pembangkang yang bekerja lebih kuat dan gigih untuk memenangi hati masyarakat dengan slogan perubahan dan pembangunan. PAS perlu melakukan perubahan secara dalaman dan luaran untuk memulihkan kelemahan. Kehangatan sokongan masyarakat kepada kerajaan PAS perlu dikembalikan seperti yang berlaku selama sepuluh tahun yang lepas, jika mereka ingin terus memerintah..

<sup>22</sup> Mohd Sayuti Omar (1991) *Kelantan Selepas Pantang*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, h. 115.